



31 Januari 2022
31 January 2022
P.U. (A) 27

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (SEKATAN KE ATAS KEBOLEHPOTONGAN FAEDAH) (PINDAAN) 2022

INCOME TAX (RESTRICTION ON DEDUCTIBILITY OF INTEREST) (AMENDMENT) RULES 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(SEKATAN KE ATAS KEBOLEHPOTONGAN FAEDAH) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(ed) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Sekatan ke atas Kebolehpotongan Faedah) (Pindaan) 2022**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2022.

Pindaan kaedah 5

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Sekatan ke atas Kebolehpotongan Faedah) 2019 [*P.U. (A) 175/2019*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan menggantikan subkaedah 5(2) dengan subkaedah yang berikut:

“(2) Dalam kaedah ini, “potongan kelayakan” ertinya—

(a) jika terdapat perbelanjaan perniagaan yang dilakukan dalam akaun untung rugi yang dibenarkan sebagai potongan di bawah Akta dan amaun potongan yang dibenarkan melebihi amaun perbelanjaan perniagaan yang dilakukan, suatu amaun bersamaan dengan perbezaan antara amaun potongan yang dibenarkan dan amaun perbelanjaan perniagaan yang dilakukan dalam akaun untung rugi; atau

(b) jika tiada perbelanjaan perniagaan yang dilakukan dalam akaun untung rugi, amaun potongan yang boleh dibenarkan di bawah Akta.”.